

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATO' HAJI MOHD. SALIM SHARIF  
[ JEMPOL ]**

**TARIKH : 15 DISEMBER 2020 (SELASA)**

**SOALAN**

**DATO' HAJI MOHD. SALIM SHARIF [JEMPOL]** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan sebarang mekanisme baharu untuk menyekat sindiket perjudian dalam talian bagi semua platform media sosial yang semakin berleluasa.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kegiatan judi atas talian adalah tertakluk di bawah Akta Rumah Perjudian Terbuka 1953, di bawah bidang kuasa Polis Diraja Malaysia (PDRM).

Namun demikian, kerjasama antara pihak Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah sedia terjalin di dalam membanteras kegiatan judi atas talian, meliputi aspek-aspek kerjasama perkongsian maklumat, forensik digital, penamatan nombor-nombor telefon dan sekatan laman-laman web judi atas talian. Usaha sekatan ke atas laman-laman web judi dalam talian ini akan dijalankan secara berterusan dari semasa ke semasa berlandaskan permohonan daripada PDRM serta maklumat dan aduan yang diterima daripada masyarakat awam.

Daripada aspek pengawalseliaan industri, SKMM turut menjalankan audit pengesahan data dengan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) untuk mengesahkan integriti pangkalan data pelanggan talian telefon prabayar untuk memastikan bahawa semua nombor yang aktif disahkan dengan sewajarnya. Ini bagi mengelakkan ianya disalahguna oleh pihak yang tidak bertanggungjawab untuk tujuan penipuan dan seumpamanya.

Antara tahun 2018 sehingga September 2020, sejumlah **1,010** laman-laman web judi atas talian telah disekat berdasarkan permohonan rasmi pihak PDRM, atas kesalahan di bawah Akta Rumah Perjudian Terbuka 1953. Usaha ini akan dijalankan secara berterusan dari masa ke semasa. Langkah ini diambil berlandaskan permohonan daripada PDRM, serta maklumat dan aduan yang diterima daripada masyarakat awam

Sehingga Oktober 2020, sebanyak 1,377,862 talian prabayar yang didaftar secara meragukan telah dikesan. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 920,217 talian telah ditamatkan perkhidmatannya dan 457,645 telah dikemaskini dengan maklumat yang sahih.

Kegiatan judi dalam talian secara top-up melalui telefon adalah taktik terbaru kaki judi melepaskan ketagihan bermain judi selepas premis judi menutup operasi mereka. Modus operandi mereka mengenal pasti premis menjual top-up telefon bimbit, kemudiannya berkunjung ke premis terbabit dan berpura-pura menambah nilai kad prabayar telefon bimbit. Peniaga akan menambah nilai kad prabayar nombor telefon kaki judi tersebut dengan menggunakan ID dan kata kunci pengenalan (*password*) tertentu. Secara khusus mengenai aktiviti ini, pihak SKMM akan membantu aktiviti penguatkuasaan yang dijalankan oleh pihak PDRM mengikut keperluan.